

# 'Usah sewenang-wenang

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli Umno termasuk sayap Puteri supaya tidak sewenang-wenangnya melaporkannya salah laku ahli lain semata-mata kerana mahu memenangi sesuatu jawatan menjelang pemilihan.

Presiden Umno itu berkata, setiap ahli parti bebas membuat laporan polis sekiranya ada kesalahan dilakukan oleh sesiapa juga.

8 OCT 2002  
"Tetapi jangan kerana atas kepentingan politik, maka lapor kepada polis. Bila nak bertanding untuk ketua bahagian misalnya, kita tiba-tiba keluar dan kita buat kenyataan akhbar, tak kenal," katanya selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Audit Negara Komanwel ke-18 di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta menngulas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris Khamis lalu mengenai laporan polis terhadap Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said oleh bekas

exconya, Zalilah Yusof.

Kenyataan itu dikatakan diberi oleh Zalilah bersama empat saksinya kepada Lembaga Disiplin Rabu lalu. Zalilah yang membuat laporan polis terhadap Azalina diberi surat tunjuk sebab oleh lembaga itu kerana melanggar peruntukan 3, 4.1 dan 4.2 Tata Etika Ahli Umno tetapi tidak mengaku bersalah terhadap tuduhan itu.

Zalilah membuat laporan di Balai Polis Brickfields dua hari selepas menemui Dr Mahathir mengenai dakwaan salah guna

kuasa, penyelewengan pentadbiran yang memabitkan kesahihan jumlah keahlian Puteri, penyelewengan harta Puteri didaftarkan sebagai harta persembungan serta penyelewengan tabung Puteri kononnya oleh Azalina.

Mengenai pertemuannya dengan Zalilah, Dr Mahathir menjelaskan: "Dia bagi tahu, kata ada kesalahan.... saya kata kalau ada kesalahan itu soal polis, tapi siapa nak bertanding... itu soal parti, bukan soal polis."

Mengenai desas-desus ko-

## , lapor salah laku'

nonnya beliau memberi restu kepada Zalilah supaya membuat laporan polis terhadap Azalina, Dr Mahathir berkata:

"Dia jumpa dengan saya, dia kata ada kesalahan (terhadap Azalina). Saya kata, ada kesalahan kena pergi kepada polis. Ini kesalahan lain, bukan kesalahan dia berpolitik. Tapi bila nak bertanding, kita tiba-tiba keluar yang itu dan kita buat kenyataan akhbar, tak kenal," katanya.

Menurut laporan akhbar tabloid itu lagi, ahli Puteri terbahit

memberitahu Lembaga Disiplin bahawa ketika pertemuan itu, Dr Mahathir dikatakan memberitahu bahawa beliau mempunyai banyak kerja lain untuk dibuat dan dakwaan mereka terhadap Azalina kelihatan seperti kes untuk polis.

Mengenai kemungkinan program untuk memantapkan Puteri terjejas berikutan begitu ramai calon menawarkan diri untuk bertanding jawatan Ketua, Dr Mahathir berkata pergerakan itu masih baru dan semestinya mempunyai bebe-

rapa masalah.

"Tak lama gigi dia dah tumbuh esok, tiada masalah," katanya.

Selain Azalina, turut menawarkan diri untuk merebut jawatan itu ialah Mastina Hamid, Raihan Suleiman, Mazibah Mohd Zain dan Ummi Hafilda Ali.

Azalina setakat ini memperolehi 109 pencalonan bagi pemilihan pergerakan itu pada 1 November ini, manakala yang lain belum menerima sebarang pencalonan.